

Editorial Notes

Cite this editorial: Borham, A. H. (2025). Editorial Notes. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), i-iv. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.10.2025>

Jurnal AL-MAKRIFAH, vol. 3, Issue 1 mengandungi artikel-artikel yang memfokuskan kepada bidang pendidikan Islam, tahfiz, bahasa Arab, sejarah dan pemikiran Islam. Artikel pertama membincangkan tentang ‘Ciri dan Personaliti Signifikan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar.’ Guru Pendidikan Islam (GPI) memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan ajaran tentang nilai moral, akidah, falsafah dan akhlak kepada pelajar. Qudwah hasanah atau tingkah laku yang boleh dicontohi merupakan komponen penting bagi tenaga pengajar Pendidikan Islam. Oleh itu, GPI mempunyai tanggungjawab yang hakiki dalam mempromosi personaliti yang baik dalam kalangan pelajar dan masyarakat keseluruhannya dengan menunjukkan contoh yang positif. Artikel ini merumuskan lima ciri personaliti utama yang perlu ditekankan oleh GPI iaitu penampilan, komunikasi, tingkah laku, emosi dan dedikasi. Kajian ini mempunyai kepentingan dalam mengetengahkan aspek personaliti unggul yang perlu ada pada setiap guru Pendidikan Islam.

Seterusnya, artikel kedua mengkaji tentang ‘Akhlak Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan.’ Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap akhlak guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan berdasarkan teori akhlak Islam al- Ghazali iaitu *al-hikmah*, *al-'iffah* dan *al-'adlu* dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital sebagai salah satu bentuk pentaksiran alternatif Pendidikan Islam. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan keratan rentas (*cross sectional*) yang menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Hasil kajian menunjukkan tahap akhlak guru Pendidikan Islam secara keseluruhan terhadap pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital adalah tinggi. Dapatan kajian menunjukkan tahap akhlak *al-'adlu* mempunyai nilai min yang paling tinggi. Diikuti dengan akhlak *al-'iffah* dan *al-hikmah* yang menunjukkan tahap tinggi pada nilai min. Sumbangan kajian telah menghasilkan ‘Qudwah Hasanah Akhlak Guru’ dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital yang diharapkan menjadi ikutan dan panduan kepada semua guru di Malaysia khususnya dan di dunia Islam umumnya selain memberi maklumat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menangani isu yang melibatkan pentaksiran digital di sekolah kebangsaan.

Artikel ketiga membincangkan tentang ‘Islam dan Marxisme daripada Perspektif Ali Shariati.’ Beliau telah menggerakkan revolusi Islam dan idea perubahan sosio-politik pada tahun 1979. Kajian ini memfokuskan karya Ali Shariati tentang pemikiran Marxisme serta kritiknya terhadap aliran falsafah tersebut berasaskan kefahaman dan landasan spiritual Islam. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan literatur dengan pendekatan konseptual dan historiografi dalam menginterpretasi teks. Hasil kajian mendapati kekuatan Ali Shariati dengan dialektika yang dirumuskan dalam mengungkapkan faham humanisme, mistisisme Islam serta pandangan metafizik, untuk menolak pandangan ateisme, komunis, materialis dan Marxisme yang sesat. Ia menjelaskan idealisme politik Ali Shariati yang menekankan kekuatan moral serta keagamaan Islam dalam menegakkan nilai persamaan dan prinsip kemanusiaan yang universal. Berbanding kelemahan teori Marxis yang dangkal nilai dan hilang dalam sistem moral dan praktis.

Artikel keempat pula membincangkan tentang ‘Isu dan Kontroversi Perang Jamal dan Perang Siffin: Suatu Tinjauan Literatur.’ Perang Jamal dan Perang Siffin merupakan dua peristiwa penting dalam sejarah awal Islam yang berlaku antara tahun 36H hingga 37H. Perang Jamal tercetus akibat perselisihan antara pasukan yang dipimpin oleh Khalifah Alī bin Abī Tālib RA dengan pasukan yang diketuai oleh Ā’ishah binti Abī Bakr RA, manakala Perang Siffin melibatkan pertentangan antara Alī bin Abī Tālib RA dengan Mu’āwiyah bin Abī Sufyān RA. Kedua-dua peristiwa ini menjadi topik perbincangan mendalam dalam kalangan sarjana, khususnya berhubung kritikan yang dilontarkan oleh pihak yang menentang Islam terhadap para sahabat Nabi Muhammad SAW kerana konflik ini berlaku sesama mereka. Kontroversi tersebut turut mempengaruhi persepsi negatif segelintir masyarakat bukan Islam terhadap umat Islam. Kajian ini bertujuan menganalisis secara kritis isu-isu yang timbul daripada Perang Jamal dan Perang Siffin berdasarkan perspektif sejarawan Islam. Pendekatan kajian kualitatif berbentuk kajian sejarah digunakan dengan pengumpulan data melalui analisis dokumen daripada pelbagai sumber berautoriti. Hasil kajian mendapati bahawa antara isu utama yang menjadi kontroversi ialah persoalan keadilan para sahabat Nabi SAW, hukum mencela mereka, serta status syahid bagi sahabat yang terlibat dalam peperangan ini. Makalah ini menganalisis wacana ilmiah berkaitan isu tersebut bagi memberikan pandangan yang seimbang dan berasaskan sumber Islam yang sahih.

Seterusnya, artikel kelima membincangkan tentang ‘Pencapaian Murāja’ah Hafazan al-Quran Pelajar TVET-Tahfiz MARA Ketika Menjalani Latihan Industri.’ Program TVET-Tahfiz MARA merupakan inisiatif pendidikan tinggi dwi-pengajian yang mengintegrasikan hafazan al-Quran dengan kemahiran teknikal. Namun, cabaran utama timbul apabila pelajar perlu mengekalkan konsistensi murāja’ah semasa latihan industri yang padat dan berada di luar institusi formal. Kajian ini bertujuan menjawab persoalan: (i) bagaimana pelajar melaksanakan murāja’ah sepanjang latihan industri, (ii) apakah kaedah yang digunakan, dan (iii) faktor penyokong serta penghalang yang mempengaruhi keberhasilan murāja’ah. Menggunakan reka bentuk kualitatif kajian kes, seramai enam pelajar kohort pertama TVET-Tahfiz MARA di Institut Kemahiran Mara (IKM), Lumut Perak, dipilih sebagai responden berdasarkan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Data diperoleh melalui temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen, kemudian dianalisis secara tematik berpandukan kerangka teori al-Zarnūjī. Dapatan menunjukkan bahawa keberhasilan murāja’ah dipengaruhi oleh tiga faktor saling melengkapi: (1) dimensi kerohanian dan nilai keagamaan, (2) pengurusan sendiri serta strategi pembelajaran, dan (3) sokongan sosial dan persekitaran kerja. Kajian ini menegaskan bahawa amalan murāja’ah bukan hanya bergantung pada usaha individu tetapi memerlukan sokongan ekosistem industri yang kondusif. Secara signifikan, kajian ini menyumbang kepada literatur pendidikan tahfiz dengan menghubungkan teori klasik al-Zarnūjī dengan realiti kontemporari, di samping memberi implikasi praktikal kepada MARA dalam memperkukuh kurikulum TVET-Tahfiz serta sistem pemantauan hafazan semasa latihan industri.

Artikel keenam pula membincangkan tentang ‘Faktor-Faktor Pengambilan Makanan Segera Dalam Kalangan Murid Sekolah Tahfiz.’ Pengambilan makanan segera dalam kalangan remaja semakin membimbangkan kerana ia berpotensi menjejaskan pembelajaran dan kesihatan dalam jangka masa panjang. Murid di institusi pegajian tahfiz mempunyai jadual pembelajaran yang padat dan rutin hafazan al-Quran turut terdedah kepada gaya pengambilan makanan segera. Kajian ini bertujuan mengenal pasti persepsi pelajar tahfiz terhadap pengambilan makanan segera, kadar kekerapan pengambilan, dan menganalisis faktor-faktor pendorong yang mempengaruhi responden mengambil makanan segera. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Kajian ini dijalankan di sekolah tahfiz swasta di

daerah Mersing Johor. Seramai 50 orang responden yang dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Data yang dikumpul telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan kekerapan, peratus, nilai skor min dan korelasi. Hasil kajian mendapati persepsi responden terhadap pengambilan makanan segera di tahap sederhana dengan purata nilai min 3.04 (min = 2.34-3.66). Purata nilai min bagi kadar kekerapan pengambilan makanan segera juga di tahap sederhana iaitu 2.75 (min = 2.34-3.66). Manakala purata min bagi faktor-faktor yang mendorong responden mengambil makanan segera di tahap sederhana iaitu 2.87 (min = 2.34-3.66). Dapatan kajian ini menunjukkan keperluan agar pihak institusi pengajian swasta dan ibu bapa saling memperkukuh dalam mendidik murid tentang pemakanan sihat bagi golongan penghafaz al-Quran agar dapat mengimbangi gaya hidup dengan pengambilan makanan segera.

Seterusnya, artikel ketujuh membincangkan tentang ‘Kaedah Pendidikan terhadap Anak-Anak Menurut Dr. Abdullah Nasih Ulwan.’ Artikel ini meneroka kaedah pendidikan anak-anak menurut perspektif Islam berdasarkan Bahagian Ketiga Fasal Pertama karya *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam* oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan. Buku ini merupakan salah satu rujukan penting dalam bidang pendidikan Islam, khususnya dalam pembentukan akhlak dan keperibadian anak-anak. Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan terhadap teks asal dengan tujuan mengenal pasti prinsip dan kaedah pendidikan yang berkesan sebagaimana yang digariskan oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan. Antara pendekatan utama yang dianalisis termasuklah pendidikan melalui penanaman iman, tauladan ibu bapa, latihan amalan soleh, nasihat yang berkhimah dan hukuman dalam mendidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah-kaedah ini menekankan keseimbangan antara kasih sayang dan disiplin serta menuntut kefahaman yang mendalam berkaitan psikologi dan perkembangan anak-anak. Kajian ini diharap dapat memberi panduan praktikal kepada ibu bapa dan pendidik dalam membentuk generasi Muslim yang beriman, berakhlak dan seimbang secara rohani dan emosi dalam konteks masyarakat moden.

Artikel kelapan membincangkan tentang ‘Analisis Modul *Durus Al-Lughah Al-Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha* Terhadap Tahap Penguasaan Kurikulum Azhari Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK).’ Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa utama dunia yang memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia terutamanya untuk mendalami pengajian Islam. Pelbagai modul dibangunkan untuk membantu meningkatkan kemahiran Bahasa Arab pelajar terutamanya bagi bukan penutur Bahasa Arab. Penggunaan modul yang tepat dan bersesuaian dapat memberi kesan yang positif terhadap pelajar dalam menguasai empat aspek kemahiran bahasa iaitu menulis, membaca, bertutur dan mendengar. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji salah satu modul pembelajaran Bahasa Arab iaitu Modul *Durus Al-Lughah Al-Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha* (Pembelajaran Bahasa Arab untuk Bukan Penutur Arab) atau juga dikenali sebagai Modul Bahasa Arab Madinah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan Kurikulum Azhari pelajar Modul Bahasa Arab Madinah, mengenal pasti tahap kemahiran Bahasa Arab pelajar Modul Bahasa Arab Madinah dan menganalisis peranan Modul Bahasa Arab Madinah terhadap penguasaan Kurikulum Azhari pelajar sekolah Yayasan Islam Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29 secara deskriptif. Dapatan kajian analisis deskriptif mendapati bahawa skor min bagi variabel tahap penguasaan Kurikulum Azhari adalah pada tahap sederhana tinggi (3.64), skor min bagi variabel tahap kemahiran Bahasa Arab sederhana tinggi (3.50) dan skor min bagi kaedah pelaksanaan Modul Bahasa Arab Madinah tinggi (4.14). Diharapkan kajian ini dapat memberi maklumat yang bermanfaat kepada pihak berkenaan untuk penambahbaikan

pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab dan pengajian Islam dalam Bahasa Arab dengan berpandukan pendekatan modul yang dikaji.

Artikel terakhir dalam issue 1 membincangkan tentang ‘Tahap Kefahaman Amalan Khurafat dalam kalangan Murid Sekolah Menengah Agama di Daerah Papar, Sabah.’ Amalan khurafat merupakan amalan yang dilarang dalam Islam. Walaupun dilihat suatu kelaziman dan diamalkan dalam masyarakat, namun ia memberikan kesan terhadap akidah umat Islam. Negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai masyarakat yang berbilang suku kaum, kepercayaan dan adat resam. Terdapat campur aduk adat resam yang diamalkan dan mempunyai unsur-unsur khurafat yang bertentangan dengan akidah Islam. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kefahaman murid sekolah menengah agama terhadap amalan khurafat, faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi murid sekolah menengah agama terhadap amalan khurafat dan menganalisis tahap kefahaman murid terhadap amalan khurafat dalam membentuk tindakan murid sekolah menengah agama. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Seramai 52 responden telah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah di sekolah menengah agama di daerah Papar, Sabah. Data kajian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian perisian *Statistical Packages For Sosial Science* (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan nilai min. Hasil kajian mendapati purata min bagi tahap kefahaman amalan khurafat dalam kalangan responden ialah 4.27, purata min faktor-faktor mempengaruhi responden dalam memahami amalan khurafat ialah 3.96 dan purata min kesan tahap kefahaman murid terhadap amalan khurafat dalam membentuk tindakan ialah 4.46. Implikasi kajian menunjukkan bahawa terdapat faktor yang boleh mempengaruhi pemahaman murid terhadap amalan khurafat dan memberikan kesan terhadap perbuatan atau tindakan dalam kehidupan seharian.

Semoga artikel-artikel yang telah diterbitkan dalam Jurnal al-Makrifah Isu 1 ini, dapat memberikan manfaat kepada semua lapisan peringkat pembaca. Terima kasih.

Abd Hadi bin Borham

Chief Editor

Al-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture